

Ebola

pembunuh senyap

Baru-baru ini Guinea di barat Afrika dan beberapa negara di luar sempadannya dikejutkan dengan wabak demam berdarah Ebola yang mengorbankan 78 nyawa daripada 122 pesakit yang disyaki dijangkiti virus tersebut.

Selain Guinea, dua kematian turut dicatatkan di Sierra Leone dan empat di Liberia seperti dilaporkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).


Menurut Penyelaras Doktor Tanpa Sempadan, Mariano Lugli, setakat ini kes telah disahkan di tiga wilayah Guinea berhampiran sempadan dan di ibu negara Conakry.

"Kami kini berdepan dengan sejenis wabak yang tidak pernah dilihat dari segi taburan kes di negara ini. Jika sebelum ini, wabak yang berlaku bersifat lebih geografi dan melibatkan lokasi lebih jauh.

"Penyebaran secara geografi ini sangat membimbangkan kerana ia akan menyukarkan tugas organisasi yang terlibat dalam mengawal wabak yang semakin serius ini," katanya.

Berdasarkan ujian awal WHO, wabak Ebola yang berlaku di Guinea adalah dari jenis Zaire. Bagaimanapun, sehingga kini ia belum disahkan.

Khamis lalu, Mali menjadi negara jiran Guinea terbaharu mengumumkan kes disyaki virus tersebut. Tiga mangsa warga tempatan bekerja di sempadan antara Mali dan Guinea diasingkan dan sampel ujian dihantar ke Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC).



Wabak Ebola di Guinea adalah yang pertama di barat Afrika sejak 1994 selepas ahli sains dijangkiti penyakit itu ketika bekerja dengan cimpanzi yang dijangkiti di Cote D'Ivoire. Mangsa mengalami jenis Ivory Coast dan akhirnya pulih.

APA ITU EBOLA?

Menurut CDC, virus Ebola menyebabkan demam berdarah (VHF), merujuk kepada sekumpulan virus yang memberi kesan kepada sistem organ dalam badan dan sering menyebabkan pendarahan.

Nama virus ini diambil dari Sungai Ebola di Republik Demokratik Congo (dahulunya Zaire) di mana salah satu wabak berlaku pada 1976. Pada tahun sama, terdapat satu lagi wabak di Sudan.

WHO memaklumkan, terdapat lima jenis virus ini yang mendapat namanya berdasarkan dari mana ia berasal.

Tiga daripadanya dikaitkan dengan wabak demam terbesar di Afrika. Antaranya ialah Zaire, Sudan dan Bundibugyo iaitu kawasan di Uganda di

BAGAIMANA EBOLA DIPINDAHKAN

Ebola tersebar melalui hubungan rapat dengan darah, cecair, organ atau cecair badan dari manusia atau haiwan dijangkiti. Di Afrika, wabak dikaitkan dengan pengendalian kelawar buah yang dijangkiti iaitu penyebab virus dan juga cimpanzi, gorila, monyet, antelop hutan serta landak.



mana virus itu ditemui pada 2007.

Terdapat juga kes tunggal di Ivory Coast. Jenis ini ditemui apabila seorang penyelidik yang mengkaji cimpanzi liar jatuh sakit pada 1994 selepas melakukan bedah siasat ke atas salah seekor haiwan tersebut.

Jenis terakhir ialah *Reston*, diambil namanya dari sebuah negeri di Virginia. Ia dikenal pasti melalui monyet yang diimport dari Filipina.

Walaupun terdapat kes manusia dijangkiti virus Ebola jenis ini, tetapi tiada kematian dicatatkan.

MENGAPA EBOLA SANGAT DITAKUTI?

Sebuah organisasi, *Medecins Sans Frontieres (MSF)* menyifatkan, Ebola sebagai salah satu penyakit paling bahaya di dunia yang merebak dalam darah dan menutup sistem imun serta menyebabkan demam panas, sakit kepala dan sakit otot.


"Ia adalah virus berjangkit yang boleh membunuh sehingga 90 peratus dan tiada vaksin bagi merawatnya," menurutnya.

Daripada lima jenis Ebola, jenis *Zaire* adalah yang pertama dikenal pasti dan dianggap paling bahaya.

KES EBOLA MENGIKUT TAHUN



Tiada wabak
Ahli sains p
disebabkan
cimpanzi, p
mutasi viru
- Ivory Coast (



APAKAH SIMPTOMNYA?

Tanda-tanda awal virus Ebola adalah demam mengejut, lemah tubuh badan, sakit otot, sakit kepala dan tekak. Gejala tersebut boleh muncul antara dua hingga 21 hari selepas dijangkiti.

WHO berkata, gejala awal bagaimanapun tidak spesifik dan berkemungkinan disalah anggap dengan tanda penyakit seperti malaria, demam kepialu atau meningitis.

Sesetengah pesakit dijangkiti juga boleh mendapat ruam, merah mata, tersedu, sakit dada, menghadapi kesukaran bernafas dan menelan.

Antara tanda awal lain termasuk muntah, cirit birit, fungsi buah pinggang dan hati terjejas serta kadang kala menyebabkan pendarahan dalaman dan luaran. Ebola hanya boleh disahkan melalui lima ujian makmal yang berbeza.

BAGAIMANA IA DIRAWAT?

Tiada rawatan khusus untuk Ebola. Menurut MSF, pesakit yang dijangkiti virus ini akan diasingkan dan kemudiannya dibantu pekerja kesihatan.

"Ini termasuk menghidratkan pesakit, mengekalkan status oksigen, tekanan darah dan merawat mereka untuk sebarang jenis jangkitan yang merumitkan," menurutnya.

Terdapat juga kes pekerja penjagaan kesihatan yang turut dijangkiti virus daripada pesakit, justeru itu WHO telah pun mengeluarkan panduan bagi menangani kes tersebut sama ada ia kes yang telah disahkan atau baru disyaki.

Bagi penjaga kesihatan, mereka perlu memakai baju dan sarung tangan tidak telap berserta topeng perubatan untuk mengelakkan percikan cecair terkena hidung, mulut dan mata.

Ia diisytiharkan berakhir pada Oktober tahun sama. Manakala wabak di Republik Demokratik Congo adalah dari jenis Bundibugyo.

Berdasarkan laporan CDC, wabak yang menyebabkan kematian paling tinggi adalah pada tahun 1976 ialah jenis Zaire, apabila 280 daripada 318 orang yang dijangkiti meninggal dunia.

Pada 2000, 425 kes Ebola jenis Sudan di Uganda dilaporkan hingga mengakibatkan 224 kematian.

DI MANA IA MENYERANG?

Ebola biasanya berlaku di kampung-kampung terpencil di tengah dan barat Afrika, berhampiran kawasan hutan hujan Tropika.

Negara paling kerap terjejas adalah di bahagian timur iaitu Republik Demokratik Congo, Uganda dan Sudan.

Wabak ini juga dianggap luar biasa kerana ia berpusat di Guinea namun tidak pernah terjejas dan merebak ke kawasan bandar.

Wabak Ebola bermula di Nzerekore, sebuah kawasan terpencil di tenggara Guinea tetapi kini telah merebak ke ibu negara Conakry dengan jumlah populasi penduduk mencecah dua juta orang.

APA YANG SEDANG BERLAKU?

WHO menasihatkan agar mengelakkan sentuhan dengan pesakit Ebola dan cecair badan mereka. Elakkan berkongsi toaleta.

Penjaga perlu memakai sarung tangan dan peralatan perlindungan seperti topeng dan membasuh tangan dengan kerap.

Amaran juga diberi terhadap pemakan daging seperti daging monyet, kelawar atau beruk yang

APA YANG BOLEH DILAKUKAN JIKA DIJANGKITI?

Tiada vaksin bagi penyakit virus Ebola (EVD) disediakan. Beberapa vaksin sedang diuji, tetapi masih belum sesuai untuk kegunaan klinikal. Difahamkan terapi dadah baharu juga kini sedang dinilai.


Pesakit dijangkiti biasanya mengalami dehidrasi, jadi perlu banyak minum air mengandungi elektrolit atau menerima cecair intravena.

Guinea mengalami wabak Ebola pertama, di barat Afrika sejak 1994. Demam berdarah paling teruk pertama kali dikenal pasti pada tahun 1976 dalam serangan wabak serentak di Sudan dan Republik Demokratik Congo. Tiada rawatan atau vaksin khusus untuk merawatnya dan kadar kematian adalah mencecah sehingga 90 peratus. Dahulunya, virus ini dibawa oleh haiwan primat, namun kini ia dipercayai disebarkan oleh kelawar buah.


JENIS EBOLA

- Zaire
- Sudan
- Ivory Coast
- Bundibugyo

NOMBOR KES



HABITAT



BERAPA KES TELAH BERLAKU?

CDC menganggarkan terdapat lebih 1,800 kes Ebola dicatatkan dengan lebih 1,300 kematian.

Catatan terakhir wabak sebelum wabak semasa di Guinea adalah pada 2012 di Uganda dan Republik Demokratik Congo.

Wabak di Uganda dikenal pasti daripada jenis Sudan dan melibatkan sebanyak 24 kes dengan 17 kematian.

dijangkiti. Kelawar buah khususnya dianggap sebagai makanan istimewa bagi masyarakat tempatan di Guinea di mana wabak itu bermula.

Menteri Kesihatan Liberia telah menasihatkan orang ramai untuk berhenti melakukan hubungan intim di samping nasihat sedia ada untuk tidak berjabat tangan atau bercium.

Pekerja di beberapa pasar raya di sekitar ibu negara Liberia juga telah mula memakai sarung tangan sebagai langkah berjaga-jaga.


Difahamkan, Senegal telah menutup sempadan tanahnya dengan Guinea.

Wilayah kelawar buah

EBOLA MEMBAWA MAUT

Setakat ini tiada vaksin untuk Ebola dan kadar kematian akibat wabak adalah 90 peratus. Jenis Zaire mencatatkan kes tertinggi dan dikaitkan dengan wabak semasa di Guinea.


Purata kadar kematian




Jenis Zaire



Jenis Sudan




Jenis Ivory Coast



Jenis Bundibugyo

Wabak Ebola direkodkan antara 1980 hingga 1993. Kepercayaan, kemunculan semula virus adalah kerana peningkatan kadar kematian gorila dan peningkatan pemburuan kelawar buah serta akses kepada jenis baru (1994) dan Bundibugyo (2007).

Sinar 8/4/14
MS 5/6



Anggaran kes sehingga 26 Mac

*Jenis Ebola kelima pertama kali dilaporkan pada 1989. Jenis Reston telah didokumentasikan di Amerika Syarikat, Itali dan Filipina. Bagaimanapun, ia tidak menyebabkan kematian.